

BAHASA MELAYU

(Oleh Musyfa‘)

Telah tertampak dengan cukup keterangan bahawasanya kemerdekaan itu sangat-sangat dicita-cita dia oleh semuanya makhluk yang hidup bernafas di dalam dunia ini, akan tetapi haiwan-haiwan dari yang sebesar-besar dan segagah-gagahnya sehingga yang sekecil-kecil sehalus-halus dan selemah-lemahnya! Itupun tiada dapat melepaskan diri masing-masing daripada ditakluki oleh manusia yang dikurnia ke atas akal fikiran serta hawa nafsu yang mengatasi semua haiwan-haiwan itu.

Wahai saudara sekalian, terutama sekali orang-orang Melayu dan Islam semenanjung tanah Melayu ini dan Singapura! Sila turutlah kata yang mulia Tengku Abdul Rahman Putra yang di-Pertua Agung UMNO, iaitu “orang-orang Melayu sekarang bukanlah lembu yang boleh ditonjol hidungnya” (menurut sahaja kehendak-kehendak bangsa-bangsa dagang) yakni orang-orang Melayu sekarang ada menunjuk kejalan-jalan kemerdekaan.

Sesungguhnya jalan-jalan kemerdekaan itu bukan satu sahaja, iaitu siyasah serta berbagai gaya muslihatnya, iktisad, agama Islam, adat rasmi Kebangsaan Melayu kita mana-mana yang baik serta bangsa Melayu. Maka oleh sebab itulah ada kata tua Melayu “bahasa itu menunjukkan bangsa” dan oleh yang demikian setengah daripada saudara-saudara kita (orang orang Melayu Muda) dan bukan ahli-ahli siyasah (atau dikatakan politik) itu sedang berusaha bersungguh-sungguh hendak membaiki dan mengembangkan bahasa Melayu yang telah sememang banyak digunakan serata Tanah Melayu dan Indonesia. Perusahaan ini saya dengan sepenuhnya-penuh tulus ikhlasnya gemar mendengar dan membaca khabar-khabarnya di dalam surat khabar dan majalah-majalah Melayu kita dan begitu jugalah keikhlasannya saya suka mencampurinya jika sudi

tuan-tuan yang berusaha itu menurut sedikit-sedikit mana yang patuh dituruti, kerana saya pun seorang anak Melayu yang kasihan bahasa kita bersama sesungguhnya inilah masanya kita membuang mana-mana satu yang tidak molek atau salah (tidak kesemuanya) atau betulkan mana-mana yang tidak betul, serta tambahilah dengan yang baharu pula dengan kesempurnaan tempatnya dan tepat ertinya pula.

Pada pendapat saya bahawa sangatlah khilaf jika dibuang kesemua yang tua itu dengan mengenakan itu semuanya tua, lapuk, dan kolot! Tetapi kita ambil atau tiru perkataan-perkataan bangsa-bangsa asing dengan tidak kita periksa dengan halusnya tiap-tiap sepatahnya itu supaya jangan ia mencacat atau merosakkan lagi bahasa kita dan menerbitkan perselisihan faham yang sebenarnya. Perbuatan yang demikian tidak menunjukkan kepadanya kita, tidak sekali-kali!!! Bahkan menunjukkan ia kebudayaan kita.

Saya telah pernah membaca beberapa susunan-susunan bahasa Melayu yang sesungguhnya betul di dalam percakapan, tetapi salah di dalam tulisan maka tulisan itu harus tinggal lama dan boleh dibaca oleh orang-orang yang kemudian daripada kita dan mereka itu pun menggelar akan kita yang punya tulisan itu, “penulisan tua, kolot, lapuk” berkenaan dengan sepatah perkataan “yang” itu boleh juga dikatakan atau disifatkan huruf penghubung pada menerangkan darjat, keadaan, hal, dan perbuatan iaitu seperti yang maha mulia, yang mulia, yang amat berhormat, yang berhormat, yang miskin, yang kaya, yang tua, yang muda, yang jauh, yang dekat dan lain-lain lagi yang seumpama, tetapi tiada boleh dipersatukan di dalam tulisan kepada nama, ganti nama, dukacitalah saya mendengar seseorang muda Melayu berkata: Adapun kemerdekaan yang sebenar-benar, ialah bebas berkata-kata, bebas menulis, bebas berbahas, bebas ini, bebas itu dan kebiasaan-kebiasaan yang lain tiada siapa wajib menegah, menahan, atau membahas kebebasan yang semacam ini saya berani katakan

kemerdekaan dahsyat, kemerdekaan bahaya, kemerdekaan yang membangkitkan huru hara dan bermaharajalela!

Jikalau diturutkan kemerdekaan maharajalela itu mengapakah ia mengatakan salah jika seseorang menulis dengan dipersatukan ejaannya, yang dengan nama, ganti nama atau lain-lainnya lagi seperti Yang Allah, Allah yang subhānahu wa Ta'ālā, yang Muhammad, yang Ibrahim, Ibrahim yang, Sulaiman yang, yang sultan, Sultan yang, yang kampung, yang negeri, negeri yang, yang kucing, kucing yang dan begitulah jugalah, “yang-yang” yang lain lagi? beranilah saya katakan di sini sungguhpun segala ini betul tidak sekali-kali salah pada pendengaran tatkala seseorang itu berkata-kata akan tetapi sangat salah jika dipersatukan ejaannya di dalam tulisan misalnya “ditulisnya: yang saya – yang engkau – yang kita – attau seumpamanya yang lain-lain lagi.

Baru-baru ini saya terbaca rencana yang amat panjang oleh seseorang muda Melayu di sebuah majalah di Malaya ini. Penulisan itu saya kenal betul dari masa kecil lagi dan dayanya tiada berpengetahuan bahasa Inggeris atau Belanda, maka sekang ini dia sedia menuntut ilmu agama Islam atau menambahkan lagi pelajarannya itu di sebuah negeri asing. Seseengah daripada perkataan yang digunakannya di dalam rencananya itu, ialahmereka yang bersimpati yang hormat.....personal.....jongos.....saya tidak faham mentaliti saudara itu.....sekolah *primary*....logik....faktor umur... saudara membuat secara atom....hasil cong kira-kira saudara secara atom.... yang saya katakan itu, iaitutetapi kira-kira saya bukan secara atom.

Saya percaya banyak perkataan-perkataan Melayu yang boleh digunakan oleh penulis rencana yang tersebut itu pada manfaat erti-erti fahaman-fahaman yang sebenar bagi perkataan-perkataan dagang itu. Barangkali ia?

Adapun atom itu perkataan Inggeris bererti benda yang sangat halus daripada debu..dan juga benda-benda yang dihancurkan ... tidak sekali-kali atom-atom itu bererti kejahatan, kebinasaan atau bahaya. Oh, barangkali bom atom itulah yang telah membinasakan dua pulau Jepun dalam masa perang besar yang kedua itu menyebabkan Jepun mengaku kalah dan menyerah diri dengan tiada bersyarat maka dari sinilah penulis muda ini agaknya telah memungut perkataan “atom” dan dijakannya sepetah peribahasa Melayu baharu yang bererti bahaya, penghancur lebur, tidak memilih di antara yang banyak dengan yang buruk atau benar dengan dusta. Ha! Ha!! Ha!!!. Tetapi sekarang khabarnya Soviet Rusia telah Berjaya membuat bom “*Hidrogen*” (*HYDROGEN*) datangnya daripada perkataan air (*WATER*) maka dengan ilmu *Chemistry* (kimia) telah dapat tahu ada kuasa yang amat mencederakan maka, berjajalah manusia membuat senjata yang akan membunuh diri sendiri. Gamak-gamak saya harus orang-orang Melayu yang lain kelak menggunakan perkataan “*Hidrogen*” itu sebagai perkataan Melayu baharu yang bererti bahaya besar.

Adapun perkataan “jongos” iaitu dari bahasa Belanda di dalam ejaan dan sebutan belanda itu, huruf “J” bersamaan dengan huruf Inggeris “Y” maka hendaklah disebut atau ditulis “*yongos*” yang sebenar perkataan ini ertinya muda yakni orang lelaki digaji menjadi pelayan di rumah-rumah atau dimana-mana pun. Pada bahasa Inggerisnya ialah (*YOUNG*) bererti muda juga, tetapi orang-orang Inggeris di Malaya dan Singapura maka pelayan yang demikian digelar “*boy*” (*BOY*) dan jika ia perempuan dikatakan *maid* (*MAID*) dan kebanyakan pelayan-pelayan dipejabat perniagaan dikatakan.. “*tambi*”; perkataan Tamil yang bererti budak lelaki maka bersamaanlah ertinya dengan *boy* (*BOY*) itu tadi dan *youngster* (*YOUNGSTER*) memadailah bagi sementara.